

## **PENGURUSAN HARTA PUSAKA TINJAUAN PERMASALAHAN DALAM KALANGAN WANITA BERIHDAD**

**NORITA KAMARUDDIN, MAFFUZA SALLEH & ZANARIAH DIMON**

Jabatan Syariah dan Undang-undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor(KUIS)

Email: [norita@kuis.edu.my](mailto:norita@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Harta pusaka merupakan satu perkara yang penting yang perlu diuruskan oleh ahli waris setiap kali berlaku kematian samada harta alih atau tidak alih. Pengurusan harta pusaka yang cekap dan efisien dapat menjamin kehidupan seseorang individu di masa hadapan. Wanita yang kematian suami dalam kalangan masyarakat masa kini sering berhadapan dengan masalah terutama masalah pengurusan harta pusaka arwah suami. Begitu juga, wanita yang kematian suami tidak terkecuali perlu menguruskan harta pusaka peninggalan arwah suami. Oleh itu kertas ini adalah bertujuan untuk menjelaskan permasalahan berkaitan pengurusan harta pusaka di kalangan isteri yang kematian suami. Reka bentuk kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk kajian kes. Manakala, sampel kajian melibatkan lima orang isteri yang kematian suami di daerah Hulu Langat. Teknik kajian yang digunakan adalah temu bual separa struktur agar temu bual dapat dilaksanakan secara bersahaja dan responden tidak tertekan ketika menjawab persoalan kajian. Penganalisisan data adalah menggunakan perisian ATLAS.ti, manakala proses pengekodan data, keabsahan dan pengesahan pakar terhadap dapatan serta penemuan kajian menggunakan kaedah Cohen Kappa. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua responden menguruskan segala harta pusaka suami dengan dibantu oleh ahli keluarga, rakan-rakan dan jiran tetangga. Walaubagaimana pun, terdapat sebahagian ahli keluarga tidak berpuas hati dengan pembahagian harta pusaka yang telah dilakukan oleh isteri yang kematian suami.

*Kata Kunci : Pengurusan, harta, pusaka, masalah, wanita, ihdad*

### **PENDAHULUAN**

Sebagai makhluk Allah di muka bumi ini, setiap makhluk akan melalui mati dan itulah pengakhiran hidup kita iaitu mati dan kembali kepada Allah SWT. Apabila seorang manusia itu meninggal dunia dan dikebumikan, tanggungjawab waris-waris adalah untuk mentadbir dan menguruskan harta-harta si mati. Era kepesatan globalisasi dunia kini menyebabkan timbulnya pelbagai permasalahan baru dan fenomena ini menghambat kehidupan individu Muslim terutamanya berhubung dengan harta pusaka. Tidak terkecuali, wanita yang kematian suami juga berdepan dengan permasalahan dalam menguruskan harta pusaka suami. Dalam keadaan emosi yang tidak stabil dan masih berdukacita, isteri yang kematian suami perlu keluar semasa dalam tempoh berihdad bagi menguruskan harta peninggalan suami. Namun terdapat kelonggaran dalam perkara ini iaitu wanita berihdad dibolehkan keluar rumah sekiranya terdapat perkara *dharuriyyat* seperti bekerja, mendapatkan barangan keperluan asas, mengurus harta pusaka dan lain-lain keperluan yang perlu di selesaikan dengan syarat tidak melampaui batas dan larangan yang telah ditetapkan oleh syarak.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kualitatif berbentuk kajian kes. Sampel kajian yang terlibat merupakan golongan isteri yang kematian suami di Selangor. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kepatuhan isteri kematian suami semasa menjalani tempoh ihdad, permasalahan yang dihadapi dan bentuk-bentuk kebajikan yang diperlukan mereka sepanjang tempoh tersebut. Kaedah

pengumpulan data yang digunakan adalah melalui temubual separa struktur terhadap lima orang responden terdiri daripada isteri yang kematian suami.

Temu bual ini direkodkan dan kemudian dialihkan dalam bentuk tulisan melalui kaedah transkripsi. Transkripsi itu kemudian dimasukkan ke dalam perisian ATLAS.ti versi 8.4.15 dan dianalisis menggunakan perisian tersebut bagi membentuk tema dapatan daripada peserta kajian. Analisis deskriptif dijalankan berdasarkan tema-tema iaitu kepatuhan, permasalahan dan kebajikan.

Setelah itu, data tersebut dihurai dalam bentuk deskriptif untuk memudahkan pemahaman pembaca. Informan yang terlibat dalam temu bual diberikan nama samaran. Tujuan nama samaran ini digunakan untuk memastikan identiti sebenar informan dapat dirahsiakan daripada pengetahuan orang ramai. Dalam kajian ini, telah menggunakan dua cara dalam meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif. Dua cara tersebut adalah pengesahan pakar dan pengesahan responden terhadap data temu bual.

1) Pengesahan pakar

Salah satu kesahan dan kebolehpercayaan data adalah dengan menggunakan pengesahan soal selidik daripada pakar. Dalam hal ini penulis menggunakan kaedah kesahan kandungan terhadap instrumen temu bual yang dibangunkan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kesahan kandungan ini merujuk kepada ketepatan kandungan dan format instrumen, sifat komprehensif instrumen, kebolehgunaan variabel, ketepatan dan kecukupan kandungan item-item yang boleh memberi kefahaman kepada responden ketika disoal.

2) Pengesahan responden terhadap data temu bual

Pengesahan ini memerlukan tandatangan responden terhadap data yang diambil (Bogdan & Biklen 2003). Dalam kajian ini rakaman yang dijalankan adalah dengan rakaman suara setelah penulis mendapat keizinan daripada responden. Rakaman suara ini kemudian menjalani proses transkripsi. Setelah selesai ditanskrip, penulis menyerahkan salinan teks transkrip tersebut kepada semua responden yang terlibat. Hal ini dilakukan agar mereka dapat membaca kembali segala input perbualan. Mereka juga dibenarkan untuk membetulkan fakta yang tersilap kemudian mengesahkan teks tersebut dengan mendatangi salinan tersebut. Hal ini menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dapat ditingkatkan melalui pembedulan fakta, pengakuan dan pengesahan daripada responden yang terlibat.

## **DAPATAN KAJIAN**

Wanita yang kematian suami menghadapi ujian berat apabila suami pergi tanpa meninggalkan sebarang wasiat. Golongan ini akan menghadapi pelbagai masalah dalam mendapatkan harta kerana tiada wasiat dan terpaksa melalui pelbagai proses undang-undang yang rumit. Tambahan pula, jika golongan wanita ini mempunyai anak-anak yang perlu diuruskan. Menurut Zainon Hussin yang merupakan seorang balu, beliau menghadapi kesukaran dalam menguruskan hal pembahagian harta disebabkan suaminya tidak meninggalkan sebarang wasiat dan perancangan pembahagian harta. Menurutnya, beliau terpaksa menjalani beberapa proses undang-undang dan mendapatkan persetujuan adik-beradik suaminya dalam pembahagian harta. Suami yang mati tanpa meninggalkan wasiat akan mengakibatkan perkara-perkara seperti perbalahan dan perebutan harta sesama ahli keluarga (Adriana Nabilla, 2022).

Pengurusan harta pusaka merupakan salah satu aspek permasalahan yang dihadapi oleh isteri yang kematian suami. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua informan menguruskan sendiri segala harta pusaka suami dengan dibantu oleh ahli keluarga, rakan-rakan dan jiran tetangga. Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh informan ketika menguruskan harta pusaka peninggalan suami. Antara permasalahan yang dihadapi adalah berkaitan urusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) suami. Apabila penama KWSP meninggal dunia, tiada yang menyimpan salinan kematian si penama. Segala urusan harta pusaka mengakibatkan proses pengurusan tersebut tergendala.

Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat informan yang masih belum membuat pertukaran nama rumah yang diduduki menyebabkan kesukaran pembahagian harta pusaka tersebut. Antara permasalahan lain yang dihadapi oleh informan ialah berlaku perebutan harta pusaka suami di antara informan dan keluarga sebelah suami serta tidak mengetahui prosedur pengurusan harta peninggalan suami. Selain itu juga, masalah yang dihadapi oleh informan ialah tuntutan harta pusaka perlu diuruskan dalam tempoh 30 hari setelah kematian suami bagi mengelakkan harta tersebut dibekukan. Bagi proses pembahagian harta pusaka pula, kajian menunjukkan infoman tidak mempunyai masalah dalam pembahagian, namun permasalahan yang dihadapi ialah apabila bapa mentua tidak mahu menerima bahagiannya membuatkan informan berasa serba salah, sehingga meminta bantuan iparnya untuk memindahkan harta pusaka kepada bapa mentuanya.

Justeru dalam menyelesaikan permasalahan pengurusan harta pusaka wanita yang kematian suami boleh diselesaikan sekiranya ada persefahaman dan pengetahuan yang cukup dalam menguruskan harta pusaka.

## PERBINCANGAN

### Keharusan keluar rumah dalam tempoh beriddah

Seorang isteri yang baru sahaja kematian suami wajib melaksanakan iddah selama empat bulan sepuluh hari. Hal ini termaktub dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 234:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذُرُونَ أَرْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Bermaksud: “Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa iddahnya itu, maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh syara’). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.”

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa lafaz [يَتَرَبَّصْنَ] dalam ayat di atas membawa maksud bersabar daripada melaksanakan perkahwinan baru serta tidak keluar dari rumah yang didiami semasa perkahwinannya. Hal ini menunjukkan dua larangan utama bagi wanita *mu'taddah* (Syh Noorul Madiah & Raihanah, 2010). *Mu'taddah* berdasarkan *al-Mu'jam Mustolahat Fiqhiyyah* bermaksud wanita yang sedang menunggu tamatnya tempoh iddah.

Imam Nawawi menyatakan seorang wanita *mu'taddah* dengan sebab kematian suami wajib beriddah. Telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam kitab al-Talaq, no hadis 5024 bahawasanya:

قالت زينب : فدخلت على زينب بنت جحش حين توفي أخوها، فدعت بطيب فمست منه ثم قالت : أما والله ما لي بالطيب من حاجة غير أني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول على المنبر لا يحل لامرأة تؤمن بالله واليوم الآخر أن تحد فوق ثلاث ليال إلا على زوج أربعة أشهر وعشرا

Bermaksud: “Berkata Zainab: Aku telah masuk ke (rumah) Zainab binti Jahsy ketika saudaranya meninggal dunia, lalu dia meminta wangi-wangian, kemudian diusapkannya lalu berkata: Demi Allah aku tidak memerlukan wangi-wangian ini melainkan kerana aku mendengar Rasulullah SAW bersabda di atas mimbar: Tidak halal bagi seorang perempuan yang beriman kepada Allah dan hari Kiamat, berkabung terhadap kematian seseorang lebih dari tiga hari, kecuali terhadap suaminya, iaitu selama empat bulan sepuluh hari.”

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan di atas, jelas dinyatakan bahawa seseorang wanita itu tidak dibenarkan berihdad melebihi tiga hari apabila kematian ahli keluarga, namun mereka wajib berihdad selama tempoh iddah sekiranya kematian suami. Jelas di sini menunjukkan tempoh berihdad adalah sepanjang tempoh iddah iaitu empat bulan sepuluh hari (Syh Noorul Madidah & Raihanah, 2010).

Hukum asal bagi wanita berihdad menurut empat mazhab bersepakat mengatakan wanita berihdad diwajibkan menetap di rumah suaminya sepanjang tempoh iddah dan dilarang daripadanya meninggalkan rumah tersebut (Ibn Qudamah, 1999) berdasarkan firman Allah SWT :

لَا تُخْرَجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخْرُجْنَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُبَيَّنَةٍ

Maksudnya : Janganlah kamu keluaran mereka dari rumah mereka dan janganlah mereka (diizinkan) ke luar kecuali mereka mengerjakan perbuatan keji yang terang.

(Surah al-Talaq : 1)

Namun terdapat kelonggaran dalam perkara ini iaitu wanita berihdad dibolehkan keluar rumah sekiranya terdapat perkara *dharuriyyat* seperti bekerja, mendapatkan barangan keperluan asas, mengurus harta pusaka suami dan juga sekiranya terdapat ancaman terhadap nyawa dan harta.

Terdapat beberapa perkara yang memerlukan penjelasan tentang sejauh manakah larangan serta kelonggaran hukum yang dibolehkan terhadap wanita berihdad berdasarkan syarak serta waqi' dan uruf masa kini. Ini bertepatan dengan kaedah fihiyyah :

الحكم على الشيء فرع عن تصوره

Maksudnya: “Penentuan hukum atas sesuatu perkara, adalah satu cabang daripada gambaran tentangnya”.

Ini merupakan kaedah yang masyhur dan amat mulia dalam kalangan ulama yang merentasi mazhab. Al-Jurjani (*al-Ta'rifat*), berkata: "Tasawwur merupakan menghasilkan gambaran sesuatu pada akal dengan tepat. Bukanlah maksud dengan tasawwur dalam kaedah ini semata-mata gambaran pada zihin pada akal dari sesuatu. Kelonggaran hukum diberi berdasarkan situasi seseorang iaitu keadaan tersebut menjadikan ia sebagai darurat dan jika tidak dibolehkan akan menyebabkan berlakunya *dharar*."

### Hak Harta Peninggalan Suami

Isteri yang kematian suami, mempunyai hak atas harta peninggalan suami. Penetapan bahagian harta peninggalan amat membantu isteri yang baharu sahaja menghadapi ujian kematian suami.

Dalam Islam, kadar penetapan syarak menetapkan satu per empat (1/4) daripada bahagian harta suami sekiranya tiada anak, dan satu per lapan (1/8) sekiranya mempunyai anak. Selain itu, jika suami bernikah lebih dari satu, maka nilai 1/4 atau 1/8 itu akan dibahagikan sama rata antara para isteri. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 12:

وَلَهُنَّ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثَّمَنُ مِمَّا تَرَكْتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ  
تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ

*Bermaksud:* “Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak, maka bahagian mereka (isteri- isteri kamu) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayar hutang kamu...”

Wanita yang tidak bekerja sudah tentu mempunyai masalah ekonomi setelah kematian suami yang merupakan sumber pergantungan utama mereka. Apabila suami meninggal dunia, isteri tersebut perlu mengambil alih tugas suami untuk menampung dan menanggung perbelanjaan isi rumahnya. Bebanan kewangan isteri yang kematian suami berbeza dengan bebanan keluarga yang masih mempunyai suami. Hal ini kerana, mereka tidak mempunyai pasangan untuk berkongsi bebanan tersebut. Berbeza dengan isteri yang bekerja , mungkin tidak mempunyai masalah kewangan kerana mempunyai pendapatan sendiri. (Syh Noorul Madidah & Raihanah, 2010).

Namun, sama ada isteri bekerja atau tidak bekerja pembahagian harta pusaka perlu mengikut apa yang telah ditentukan oleh syarak bagi merungkai permasalahan yang dihadapi oleh isteri yang kematian suami seperti perebutan pembahagian harta pusaka.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh isteri yang kematian suami dalam menguruskan harta pusaka suami. Antaranya perebutan harta pusaka yang berlaku dalam keluarga, tidak mengetahui proses berkaitan pentadbiran pusaka secara jelas dan permasalahan dalam penama KWSP. Justeru, walaupun dalam tempoh berihdad isteri yang kematian suami perlu menghadapi permasalahan tersebut namun Islam memberi kelonggaran untuk mereka keluar dalam keadaan yang dharurat bagi menguruskan harta pusaka suami tanpa melanggar hukum berihdad yang telah ditetapkan oleh syarak.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Adriana Nabilla, M. A. (2022, Februari 11). Dugaan hebat isteri kematian suami ditinggal tanpa wasiat. Premium Sinar: Eksklusif dan Kritis. [premium.sinarharian.com.my/article/180682/fokus/semasa/dugaan-hebat-isteri-kematian-suami-ditinggal-tanpa-wasiat](https://premium.sinarharian.com.my/article/180682/fokus/semasa/dugaan-hebat-isteri-kematian-suami-ditinggal-tanpa-wasiat)
- Al-Jurjani, `Ali ibn Muhammad, al-Sayyid al-Sharif. 1988. Kitab al-ta`rifat. Dar al Kutub al Ilmiah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Ibn Syarf. 1992. Rawdah al-Talibin, jil. 6,Beirut: Dar al-Kutub al-IlmiYYah
- Ibn Qudamah, Abdul Ahmad. 1999. al-Mughni, Jil. 11. Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi.

Syh Noorul Madihah, S. H. (2009). Kefahaman tentang Ihdad di Kalangan Wanita Muslim Bandar Dungun. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 103–126.

Syh Noorul Madihah, S. H., & Raihanah, A. (2010). Pendekatan Islam dalam memelihara masalah wanita selepas kematian suami. *Jurnal Syariah*, 18(3), 479–506. Retrieved from [http://apium.um.edu.my/journals/journal\\_syariah/About\\_Syariah.php](http://apium.um.edu.my/journals/journal_syariah/About_Syariah.php)